



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 Mei 2024  
17 Zulkaedah 1445H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Sungai Timun dicadang jadi hub pengeluaran udang galah
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSTIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		
						31	26.5.2024

## Sungai Timun dicadang jadi hub pengeluaran udang galah

S4, ms31, 26hb

**REMBAU** - Kerajaan negeri bercadang menjadikan kawasan sepanjang Sungai Timun sebagai hub pengeluaran udang galah menjelang 2026.

Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaludin Alias berkata, tindakan ke arah itu perlu dilakukan dari sekarang khususnya oleh Jabatan Perikanan (DOF) terutama dalam memastikan pengeluaran udang galah.

"Maksudnya seperti hari ini (Sabtu), saya lepaskan 64,000 benih dan dalam tempoh tujuh bulan lagi, benih ini dapat dituai, dengan 60 hingga 70 peratus daripadanya akan ada di kawasan sekitar selain yang membiak.

"Jadi, dalam tempoh tiga bulan dari sekarang, kita lepaskan benih lagi yang membolehkan pengeluaran udang galah di Sungai Timun tidak akan putus," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Program Sopot Biru Sungai Timun 2024 di Jeti Pengkalan Sungai Timun di sini pada Sabtu.

Jelas beliau, dengan cara itu lokasi berkenaan akan menjadi lokaliti untuk orang ramai termasuk pelancong bagi mendapatkan udang galah pada bila-



Jalaludin (tengah) menghadiri Program Sopot Biru Sungai Timun.

bila masa.

Pada masa sama, Jalaludin berkata, DOF diminta memastikan supaya semua penternak udang galah diberikan pendedahan dan ilmu berkenaan hidupan itu yang lebih spesifik.

Tambahnya, ia bagi membantu penternak mengeluarkan udang galah yang lebih berkualiti.

"Contohnya di Thailand, udang galah mereka begitu berkualiti dan pengeluaran mereka ikut jadual tertentu serta tidak pernah putus.

"Tidak mustahil Negeri Sembilan juga ke arah itu," ujarnya.